

20 NOV 1998

Poskad

PAHANG KUMPUL 10,000 TANDATANGAN MENYOKONG KEPIMPINAN MAHATHIR

KUANTAN, 20 Nov (Bernama) -- Pahang berjaya mendapatkan 10,000 tandatangan daripada pelbagai lapisan masyarakat menerusi kempen "Kad Sejuta Cinta Negara" bagi menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa, Datuk Omar Othman hari ini berkata kempen mendapatkan tandatangan itu bermula dua minggu lepas yang dijalankan menerusi Pejabat Kemajuan Masyarakat (Kemas) Negeri.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini, rakyat Pahang yang terdiri daripada ahli politik, anggota sektor swasta, badan bukan kerajaan, kakitangan kerajaan dan masyarakat Orang Asli masing-masing menurunkan tandatangan sebagai menyatakan rasa kasih mereka kepada negara.

Katanya, sokongan padu masyarakat berbilang kaum itu diharap akan dapat memberikan kekuatan kepada Dr Mahathir dan barisan kepimpinan negara untuk terus memimpin.

Beliau berkata idea untuk mendapatkan tandatangan itu dicetuskan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan kad untuk ditandatangani itu disediakan oleh kementerian berkenaan yang diedarkan ke seluruh negara.

Omar berkata Pahang diperuntukkan 7,000 kad yang diserahkan kepada 11 kawasan Parlimen di negeri ini dan Penyelia Kanan Kemas ditugaskan untuk mendapatkan tandatangan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Setiap kad boleh memuatkan 20 tandatangan.

"Kempen ini akan diteruskan sehingga kesemua kad habis ditandatangani. Saya percaya masih ramai lagi rakyat jelata yang berhasrat untuk menyatakan rasa cinta mereka kepada negara tetapi masih belum berpeluang berbuat demikian," katanya.

Pada majlis itu, beliau menyerahkan sebahagian daripada 10,000 kad yang siap ditandatangani kepada Pemangku Penyelia Kemas Pahang, Puan Sowiah Dahlan yang akan menyerahkannya kepada Annuar di Kuala Lumpur kelak.

-- BERNAMA

ROS RHM